

20 APR 1998

Ternakan (Fokus Berita)

INTEGRASI TERNAKAN DALAM TANAMAN BUAHKAN HASIL

Oleh: ROSLIWATY RAMLY

KUALA LUMPUR: Bekalan daging lembu yang tidak mencukupi bukanlah satu perkara luarbiasa memandangkan permintaan dan penggunaannya kian meningkat dari masa ke semasa.

Misalnya, penggunaan daging untuk Semenanjung Malaysia pada 1996 ialah 80,000 tan metrik, sumbangan hasil lembu tempatan untuk kegunaan ini ialah 15,700 tan metrik. Ia dijangka meningkat hingga 91,000 tan metrik menjelang tahun 2000.

Walhal jumlah lembu yang terdapat pada tahun 1994 ialah 671,546 ekor dan bilangannya menurun tahun 1995 iaitu 659,065 ekor dan 647,070 ekor tahun 1996.

Perangkaan Jabatan Perkhidmatan Haiwan (JPH) ini jelas membuktikan ia tidak dapat menampung keperluan saradiri dan pertumbuhan negatif dijangka untuk pengeluaran daging lembu tempatan.

Untuk menampung kekurangan bekalan tempatan pada 1996, negara telah mengimport sebanyak 71,000 tan metrik daging dan 56,521 ekor lembu/kerbau untuk sembelihan.

Menurut Pengarah Bahagian Pengeluaran JPH, Dr Mustapha Abdul Jalil, penurunan bilangan ternakan adalah disebabkan produktiviti penternakan secara tradisional yang rendah dan kadar sembelihan meningkat dari tahun ke tahun.

Beliau berkata dari sejumlah 653,000 ekor lembu yang diuruskan penternak kecil secara tradisional iaitu sistem lepas bebas pada tahun lalu, hanya 56,300 ekor sahaja yang mengamalkan penternakan sistematik.

Sistem lepas bebas bermaksud lembu sama ada, ada pemilik atau tanpa pemilik, dibiarkan berkeliaran dalam bandar, dalam kampung, di tempat awam, di tepi jalan raya, dalam tanaman kekal dan bertambat di luar kawasan tanaman kekal.

"Produktiviti penternakan secara lepas bebas adalah rendah. Ini disebabkan kesukaran untuk meningkatkan tahap kesuburan, kesihatan, kualiti hasil dan pemasaran ternakan," jelasnya.

Oleh itu, Dr Mustapha menekankan penternakan yang lebih sistematik dan dinamik serta bertaraf komersial harus dijadikan kaedah pengeluaran lembu pedaging.

Untuk merealisasikan hasrat itulah, JPH melaksanakan satu program anjakan -- Projek Integrasi Tanaman Kekal dengan Ruminan (PINTAR) iaitu mewujudkan penternakan lembu pedaging secara integrasi dengan tanaman kekal melalui sistem ragutan bergilir menggunakan pagar letrik mudah alih.

Selain mengoptimalkan penggunaan sumber bagi mendapatkan keuntungan yang paling tinggi, hasil dari kelapa sawit dipertahan dan dipertingkatkan pada tahap optimum dan rumpai dihapuskan secara biologik menggunakan lembu, jelas Dr Mustapha.

Beliau berkata 11 kawasan di seluruh negara yang berpotensi besar dijadikan kawasan sasaran PINTAR dan menjadi dasar JPH memberi galakan serta perkhidmatan veterinar kepada kawasan-kawasan itu. Ia termasuklah Gua Musang, Jengka, Triang dan Kota Tinggi.

Tambahnya, penglibatan penternakan secara PINTAR telah meningkat dari 12,440 ekor pada tahun 1994 kepada 56,178 ekor, akhir tahun 1997.

Mengenai kaedah PINTAR, Dr Mustapha menjelaskan faktor utama ialah mewujudkan keseimbangan di antara lembu dengan tanaman kekal supaya projek yang dijalankan menjadi mapan.

Untuk mencapai keseimbangan ini, sistem ragutan bergilir menggunakan

pagar letrik sebagai alat untuk mengawal lembu perlu diamalkan.

Pada permulaan, lembu digunakan untuk mengawal rumpai secara biologik dan setelah mendapat keuntungan dari pengurangan kos meracun rumpai dan jumlah ternakan yang optimum diketahui, maka amalan penternakan atau husbandry yang sistematik boleh dijalankan, katanya.

"Dengan pengwujudan gerompok ibu-anak tertutup, pihak yang menjalankan integrasi boleh mengamalkan pembiakan yang lebih teratur bagi tujuan mengeluarkan hasil yang lebih berkualiti," tambahnya lagi.

Untuk menentukan dayamaju, dayasaing dan kemampuan projek, beliau menyarankan agar pemakanan yang sentiasa cukup dari segi kualiti dan kuantiti serta mempunyai keberkesanan kos diutamakan.

"Lebih penting ialah tumbuhan ragutan yang wujud di bawah kelapa sawit itu tahan terhadap ragutan. Setelah diragut, ia harus boleh pulih semula untuk ragutan seterusnya dan keadaan ini hanya wujud apabila pusingan ragutan yang teliti diamalkan."

Pusingan ragutan dilakukan dengan mengubah lingkungan pagar letrik ke kawasan yang baru dan tempoh masa sesuatu kawasan diragut bergantung kepada jumlah lembu, keluasan kawasan dan keadaan tumbuhan bawahan yang terdapat di kawasan yang dipagar, katanya lagi.

Dr Mustapha berkata, sebagai panduan, 100 ekor lembu boleh dibiarkan meragut selama satu hari di dalam kawasan seluas lima hektar.

Beliau menjelaskan, untuk menjayakan program PINTAR, JPH akan terus mempromosikan penternakan secara integrasi di dalam tanaman kekal dan untuk tujuan itu, beberapa pelan tindakan telah dibentuk, antaranya ialah:

- + Mengalihkan secara berterusan penternakan kecilan yang berpotensi kepada operasi yang lebih besar dan berbentuk komersial bagi tujuan meningkatkan produktiviti

- + Menggalakkan aktiviti pengeluaran secara khusus seperti pembiakan untuk pengeluaran anak, pembesaran anak dan penggemukan akan terus digalakkan untuk meningkatkan kecekapan industri

- + Memperkemarkan usaha penyelidikan dan pembangunan ke arah memenuhi kehendak industri melalui penyelidikan bersama dengan sektor swasta

Integrasi ternakan dalam tanaman kekal diharapkan dapat menjamin pengeluaran daging yang mencukupi untuk keperluan negara.

Sehubungan ini, tuanpunya ladang kelapa sawit hendaklah mengamalkan pemeliharaan ternakan bersepadu di tanah mereka bagi menghasilkan daging dan membantu mengurangkan import, sebagai saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini. - Bernama